



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Fakulti  
Farmasi

PENSEJAJARAN PERANCANGAN  
STRATEGIK LIMA TAHUN

2021-2025

FAKULTI FARMASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN SELANGOR  
KAMPUS PUNCAK ALAM

BILANGAN 6: 15 – 16 FEBRUARI 2023





**2021-2025**

# **PENSEJAJARAN PERANCANGAN STRATEGIK LIMA TAHUN**

BILANGAN 6: 15 – 16 FEBRUARI 2023

Fakulti Farmasi, Universiti Teknologi MARA

# 2021-2025

## PENSEJAJARAN PERANCANGAN STRATEGIK LIMA TAHUN

**FAKULTI FARMASI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)  
CAWANGAN SELANGOR  
BILANGAN 6 : 15 – 16 FEBRUARI 2023**

© Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang cetak mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara tanpa mendapat izin bertulis dari Fakulti Farmasi UiTM melalui surat atau emel.

**Cetakan Pertama 2023**

**ISBN 978-629-96995-1-4**

### **Penulis**

Kalavathy Ramasamy, Mohd Shahezwan Abd Wahab, Norkasih Ibrahim,  
Aida Azlina Ali, Norazlina Ahmad, Azlinda Mohamad Nor, Khuriah Abdul Hamid,  
Abu Bakar Abdul Majeed

### **Kompilasi dan Suntingan**

Khuriah Abdul Hamid  
Norazua Ahmad

### **Penerbit**

Fakulti Farmasi  
UiTM Cawangan Selangor  
42300 Bandar Puncak Alam  
Selangor, MALAYSIA

# KANDUNGAN

KANDUNGAN	iv
PENGANTAR PENYELARAS STRATEGIK DAN TRANSFORMASI UNIVERSITI	v
KATA ALU-ALUAN DEKAN	vi
1. DASAR DAN ASAS PERANCANGAN	1
1.1 KEGIATAN UTAMA	2
1.2 MOTO, VISI, MISI, FALSAFAH DAN OBJEKTIF	2
1.3 PELAN STRATEGIK UiTM 2025	6
1.4 UiTM 2025	7
1.5 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)	7
2. PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI 2022 FAKULTI FARMASI	8
2.1 TERAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	11
2.2 TERAS PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN	13
2.3 TERAS AKADEMIKA, INDUSTRI & MASYARAKAT	17
2.4 TERAS KEPEMIMPINAN	19
2.5 TERAS KEUSAHAWANAN	20
2.6 SISTEM SOKONGAN: PENGURUSAN DAN PENGUKUHAN KEWANGAN PROFESIONAL	22
3. INISIATIF UTAMA FAKULTI FARMASI	23
3.1 PROGRAM AKADEMIK	25
3.2 PROGRAM PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN	29
3.3 PROGRAM JARINGAN	32
3.4 PROGRAM KEPEMIMPINAN	35
3.5 PROGRAM KEUSAHAWANAN	38
3.6 PROGRAM PENGURUSAN & PERKHIDMATAN KEWANGAN	40
3.7 PROGRAM PENGURUSAN KUALITI	43
4. UNJURAN 2023-2025	45
4.1 PROGRAM AKADEMIK	46
4.2 PROGRAM PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN	47
4.3 PROGRAM JARINGAN	48
4.4 PROGRAM KEPEMIMPINAN	49
4.5 PROGRAM KEUSAHAWANAN	49
4.6 PROGRAM PENGURUSAN & PERKHIDMATAN KEWANGAN	50
5. PENUTUP	51
AHLI JAWATANKUASA PENSEJAJARAN STRATEGIK 5 TAHUN (2021-2023) BIL. 6	53
LAMPIRAN	55

## Bismillahirrahmanirrahim.

Bengkel Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021-2025) Fakulti Farmasi UiTM Kampus Puncak Alam Bil.6 telah diadakan di Galeri, Aras 5, Bangunan FF1, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam pada 15 dan 16 Februari 2023. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Farmasi iaitu Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed dan dihadiri oleh Timbalan-timbalan Dekan, Penolong Pendaftar Kanan, Ketua Pusat Pengajian dan para pensyarah Fakulti Farmasi.

Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Fakulti Farmasi ini telah disediakan berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 yang menjadi kesinambungan pelan strategik terdahulu dengan memberi penekanan untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs). Ia juga selaras dengan agenda nasional membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 bagi memastikan UiTM kekal relevan di peringkat nasional dan global.

Pada tahun 2023, sebanyak 68 sasaran "Performance Index (PI)" atau petunjuk prestasi yang telah diturunkan kepada Fakulti Farmasi yang meliputi bahagian Akademik (17 PI), Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) (10 PI), Penyelidikan dan Inovasi (15 PI), Hal Ehwal Pelajar (HEP) (8 PI), Pendaftar (12 PI), Bendahari (1 PI) dan Keusahawanan (5 PI). Sasaran ini telah meningkat daripada 62 PI yang diturunkan pada tahun 2022. Sehubungan itu, sebanyak 15 Pelan Perancangan Strategik (SAP) telah dirangka semasa bengkel ini sebagai strategi bagi mencapai sasaran PI yang diperturunkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) pada tahun 2023.

Diharapkan agar buku pelan perancangan strategik ini dapat dijadikan rujukan, dilaksanakan dan dibudayakan bagi memastikan sasaran petunjuk prestasi yang direncanakan dapat dicapai. Buku ini juga memuatkan objektif kualiti Fakulti Farmasi yang telah ditambahbaik bagi meningkatkan kemajuan kerjaya staf akademik dan sokongan. Oleh yang demikian, rencana pelan perancangan strategik ini dapat menjadikan Fakulti Farmasi sebuah fakulti yang berdaya saing bagi merealisasikan visi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

### **Dr. Khuriah Abdul Hamid**

Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU), Fakulti Farmasi UiTM



## **PENGANTAR** PENYELARAS STRATEGIK & TRANSFORMASI UNIVERSITI



## KATA ALU-ALUAN DEKAN

### **Bismillahirrahmanirrahim.**

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Fakulti Farmasi berjaya menerbitkan Buku Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun (2021-2025) Bil 6. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Perancangan Strategik yang telah berusaha dengan penuh iltizam bagi menghasilkan dokumen penting ini. Usaha yang dilaksanakan ini bertujuan merealisasikan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Matlamat ini adalah berlandaskan Pelan Strategik UiTM 2025 yang dibangunkan berdasarkan kerangka strategik yang mengambil kira dan mengintegrasikan dasar perancangan di peringkat universiti dan kebangsaan serta trend global.

Pelan strategik ini memetakan hala tuju universiti yang berpaksikan kepada tiga (3) teras strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecermelangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Hala tuju UiTM pada tahun 2023 adalah menyasarkan kepada *Globally Marketable* yang merujuk

kepada kemampuan staf dan pelajar UiTM mula mendapat perhatian dan diterima di peringkat dunia, selepas pelbagai inisiatif antabangsa giat dijalankan pada tahun 2021 dan 2022.

Sejajar dengan hala tuju tersebut, Fakulti Farmasi telah mengambil inisiatif menjalankan bengkel perancangan strategik bagi membincangkan dan merancang strategi dan tindakan bagi mencapai sasaran petunjuk prestasi yang diturunkan bagi merealisasikan hala tuju dan hasrat UiTM. Inisiatif ini adalah penting supaya seluruh warga dapat mengambil langkah yang signifikan bagi meningkatkan prestasi, termasuklah menggandakan usaha kolaborasi dan pengantarabangsaan dan menjalankan penyelidikan berimpak.

Saya berharap inisiatif yang direncanakan dapat menjadi panduan dalam melaksanakan dan membudayakan perancangan strategi ke arah mejadikan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**Profesor Dato' Dr. Abu Bakar Abdul Majeed**  
Dekan Fakulti Farmasi, UiTM



# DASAR DAN ASAS PERANCANGAN

# BAHAGIAN 01

---

# DASAR DAN ASAS PERANCANGAN

---



## 1.1 KEGIATAN UTAMA

Menawarkan program farmasi sehingga ke peringkat kesarjanaan dan memperkasa penyelidikan translasional bagi memacu kehidupan berkualiti.

## 1.2 MOTO, VISI, MISI, FALSAFAH DAN OBJEKTIF

### 1.2.1 MOTO

Usaha | Takwa | Mulia  
(*Endeavour | Piety | Nobility*)

### 1.2.2 VISI

Fakulti Farmasi yang berdaya saing bagi merealisasikan visi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.

*(A competitive Faculty of Pharmacy to realise UiTM's vision to become a Globally Renowned University of Science, Technology, Humanities and Entrepreneurship).*

### 1.2.3 MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum yang terkehadapan dan penyelidikan berimpak dalam bidang farmasi dan kesihatan.

*(To lead the development of agile professional bumiputeras through state-of-the-art curricula and impactful research in the pharmacy and health-related fields).*

### 1.2.4 FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara.

*(Every individual is capable of attaining excellence through the transfer of knowledge and assimilation of moral values to become a professional graduate capable of developing knowledge, self, society, and nation).*



### 1.2.5 OBJEKTIF FAKULTI

1. Memacu dan memperluas akses dalam pendidikan tinggi berkaitan bidang farmasi dan kesihatan.  
*(To drive and expand access to higher education in the pharmacy and health-related fields).*
2. Menyediakan pendidikan dalam bidang farmasi dan kesihatan yang bertaraf dunia.  
*(To provide world-class pharmacy and health-related education).*
3. Menawarkan program akademik dalam bidang farmasi dan kesihatan yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global.  
*(To offer pharmacy and health-related academic programmes that fulfill market needs and drive national development and global prosperity).*
4. Menghasilkan graduan yang seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.  
*(To produce well-balanced entrepreneurial graduates who are globally competent).*
5. Mempertingkatkan penghayatan nilai dalam kalangan warga Fakulti Farmasi melalui program pengukuhan.  
*(To enhance the internalisation of values among the Faculty of Pharmacy members through strengthening programmes).*
6. Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus Fakulti Farmasi yang efektif dan efisien.  
*(To sustain the organisational excellence of the Faculty of Pharmacy through effective and efficient governance).*
7. Menjuarai penyelidikan dalam bidang farmasi dan kesihatan yang berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu.  
*(To champion impactful pharmaceutical and health-related research through a robust research ecosystem).*
8. Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri.  
*(To strengthen strategic networks with alumni and industries).*
9. Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif demi kemajuan akademik.  
*(To provide a state-of-the-art ecosystem conducive to academic advancements).*
10. Mengawal selia amalan kewangan secara efektif ke arah kemampuan tadbir urus Fakulti Farmasi sebagai sebuah organisasi.  
*(To regulate financial practices effectively towards the governance sustainability of the Faculty of Pharmacy as an organisation).*

## 1.2.6 OBJEKTIF KUALITI FAKULTI FARMASI 2020 - 2025

- OBJEKTIF 1** Mencapai enrolmen sekurang-kurangnya 800 pelajar menjelang 2025  
(a) Mencapai nisbah 1:8 bagi pensyarah farmasi kepada pelajar tahun akhir Sarjana Muda Farmasi.

*To achieve an enrolment of at least 800 students by 2025  
(a) To achieve a 1:8 ratio of pharmacy lecturers to Bachelor of Pharmacy final-year students.*

- OBJEKTIF 2** Memastikan 100% kurikulum melalui proses semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 3 hingga 5 tahun.

*To ensure that 100% of the curriculum undergoes a review process at least once in 3 to 5 years.*

- OBJEKTIF 3** Memastikan peningkatan peratusan pelajar bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan (GOT) menjelang 2025 mengikut peringkat pengajian:

- 90% pelajar sepenuh masa Diploma & Sarjana Muda
- 90% pelajar Sarjana (Kerja Kursus)
- 15% pelajar Sarjana (Penyelidikan) dan
- 20% pelajar PhD

- (a) Peratusan graduan dengan PNGK 3.5 ke atas
- 25% Diploma & Sarjana Muda
  - 60% Sarjana (Kerja Kursus)

*To ensure an increase in the percentage of graduate-on-time students (GOT) by 2025 according to study level:*

- 90% for full-time Diploma and Bachelor students
  - 90% for Master's (by Coursework) students
  - 15% for Master's (by Research) students
  - 20% for PhD students
- (a) Percentage of graduates with a CGPA of 3.5 and above
- 25% for Diploma & Bachelor
  - 60% for Master's (by Coursework)

- OBJEKTIF 4** Memastikan sekurang-kurangnya 30 graduan PhD bergraduat dari Fakulti Farmasi menjelang 2025:

- (a) Memastikan sekurang-kurangnya 10% pelajar PhD adalah dari luar negara menjelang 2025.

*To ensure at least 30 PhD students graduate from the Faculty of Pharmacy by 2025:*

- (a) *To ensure at least 10% of PhD students are from abroad by 2025.*

**OBJEKTIF 5** Memastikan kebolehan pasaran siswazah melebihi:

- 90% (Sarjana Muda)
- 15% (Diploma)
- 5% (bekerja sendiri)

*To ensure the graduate employability exceeds:*

- 90% (Bachelor)
- 15% (Diploma)
- 5% (self-employed)

**OBJEKTIF 6** Memastikan bilangan penerbitan berindeks mencapai 700 menjelang 2025.

*To ensure the number of indexed publications reaches 700 by 2025.*

**OBJEKTIF 7** Memastikan nilai geran penyelidikan mencapai RM 20 juta menjelang 2025.

*To ensure the value of research grants reaches RM 20 million by 2025.*


**OBJEKTIF 8** Memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan mengkomersialkan 2 produk hasil penyelidikan menjelang 2025.

*To ensure excellence in knowledge transfer by commercialising 2 research products by 2025.*

**OBJEKTIF 9** Memastikan 70% pensyarah adalah berkeelayakan PhD menjelang 2025.

*To ensure 70% of lecturers are PhD qualified by 2025.*

### 1.3 PELAN STRATEGIK UiTM



UiTM mensasarkan untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025. Matlamat ini berpandukan UiTM2025 yang merangka hala tuju universiti. UiTM2025 berpaksikan pada tiga (3) Teras Strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Setiap Teras Strategik ini berkait dengan lapan (8) Tema Strategik. Teras Strategik pertama iaitu Pendidikan Berkualiti dipandukan oleh tiga (3) Tema Strategik iaitu Education 5.0@UiTM, Graduan Berciri Keusahawanan dan Peluasan Akses. Teras Strategik kedua iaitu Kecemerlangan Global dipandukan oleh dua (2) Tema Strategik iaitu (1) Pembangunan Penyelidikan Translational, Inovasi dan Pengkomersialan dan (2) Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. Manakala teras strategik ketiga iaitu Prestasi Berorientasikan Nilai dipandukan oleh empat (4) Tema Strategik iaitu Kecemerlangan Potensi, Tadbir Urus Tangkas, Kampus Pintar dan Kemampuan Kewangan.

## 1.4 UiTM 2025



## 1.5 KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI)

<b>KPI &gt;01</b> Number of programmes accredited by professional standards at national or international level	<b>KPI &gt;02</b> Number of programmes made available online to learners nationally and globally	<b>KPI &gt;03</b> Number of broad-based programmes with differentiated tracks and pathways	<b>KPI &gt;04</b> Percentage of graduate employability	<b>KPI &gt;05</b> Percentage of graduate entrepreneurs	<b>KPI &gt;06</b> Percentage of full time students involved in service learning programmes	<b>KPI &gt;07</b> Number of students' enrolment a) Full time students b) Part time students c) Franchise students d) Postgraduate students e) International postgraduate students
<b>KPI &gt;08</b> Staff indexed publication ratio	<b>KPI &gt;09</b> Staff citation ratio	<b>KPI &gt;10</b> Amount of research grants	<b>KPI &gt;11</b> Number of patents granted	<b>KPI &gt;12</b> Number of spin-off companies	<b>KPI &gt;13</b> a) Number of International MoAs b) Number of International MoUs c) Number of strategic engagement	<b>KPI &gt;14</b> a) Staff ESI Index b) Students ESI Index
<b>KPI &gt;15</b> Percentage of high performance staff	<b>KPI &gt;16</b> Agile Governance Index (AGI)	<b>KPI &gt;17</b> a) Data quality score b) Index UiTM (i-UiTM)	<b>KPI &gt;18</b> Satisfaction index on UiTM facilities	<b>KPI &gt;19</b> RM1 billion income generation	<b>KPI &gt;20</b> Cost saving of non-emolument over operating budget	<b>KPI &gt;21</b> UiTM Perception Index



# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI 2022

## BAHAGIAN 02


# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI 2022 FAKULTI FARMASI (PH), UiTM

Secara keseluruhan, Fakulti Farmasi mencapai peratus skor **91%** untuk tahun 2022. Daripada **62 petunjuk prestasi (PI)** yang telah diperturunkan kepada fakulti, sebanyak **51 PI berjaya mencapai 100%**, 7 PI mencatatkan pencapaian melebihi 50%, manakala hanya 4 PI tidak berjaya mencapai sebarang sasaran (0% pencapaian). Kesemua PI ini telah dipetakan kepada lapan (8) teras dan enam belas (16) inisiatif strategik fakulti (Gambar rajah 2-1).




Gambar rajah 2-1: Teras dan Inisiatif Strategik Fakulti Farmasi (PH) 2022

Pencapaian PI bagi Fakulti Farmasi telah meningkat dari 62% pada tahun 2016 ke 91% pada tahun 2022 (Gambar rajah 2-2). Peningkatan yang konsisten ini menunjukkan kesungguhan warga Fakulti Farmasi dalam mendokong dan menggerakkan aspirasi universiti. Gambar rajah 2-3 pula menunjukkan pencapaian PI pada setiap suku tahun bermula dari tahun 2019 hingga 2022.



**Gambar rajah 2-2:** Peratus pencapaian PI Fakulti Farmasi dari tahun 2016 sehingga 2022.



**Gambar rajah 2-3:** Peratus pencapaian PI pada setiap suku tahun Fakulti Farmasi dari tahun 2019 sehingga 2022.



## 2.1 TERAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### Kriteria 1 (K1): Aksesibiliti Pendidikan Tinggi UiTM

Pencapaian PI 100%

#### SK 1-1: Kepelbagaian mod pengajian

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI001:</b> Number of new High-End TVET and TVET programmes.	1 program	100%

#### SK 3-2: Kurikulum yang dinamik

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI005:</b> Number of academic programmes embedded with new international credited service learning activities.	1 program	100%

#### SK 3-4: Siswazah yang bergraduat dalam tempoh

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI006:</b> Percentage of GOT students (Undergraduate).	85%	100%

#### SK 5-4: Jalinan kerjasama dengan industri melalui MoU/MoA

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI007:</b> Number of inbound students (minimum 1 day).	40 pelajar	100%
<b>PI008:</b> Number of outbound students (minimum 1 day).	40 pelajar	100%

#### SK 3-3: Pendidikan yang berasaskan e-pembelajaran

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI013:</b> Number of new Massive Open Online Course (MOOC).	3 kursus	100%

#### SK 5: Program berteraskan UCE (University Community Engagement)

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI027:</b> Number of new SULAM's programmes with industry involvement in relation to service learning activities.	1 program	100%

### SK 4-3: Graduan pascasiswazah penyelidikan

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI045:</b> Number of student enrolment (international postgraduate students).	11 pelajar	100%

Pencapaian PI Di Bawah 100%

### SK 5-4: Jalinan Kerjasama dengan industri melalui MOU/MOA

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI009:</b> Number of inbound students (2 weeks).	40 pelajar	0%	Isu yang dihadapi: Data yang dilaporkan tidak memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh pihak <i>Department of International Affairs</i> (DIA)  Cadangan penyelesaian: Promosi yang lebih giat dan program – program yang unik perlu diadakan untuk menarik minat pelajar secara bersasar untuk jangkamasa panjang. Kriteria untuk pelaporan juga telah dikenalpasti supaya laporan dapat dihantar dengan lengkap.
<b>PI010:</b> Number of outbound students (2 weeks).	60 pelajar	0%	

### SK 4-3: Graduan pascasiswazah penyelidikan

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI043:</b> Number of student enrolment (national master students).	50 pelajar	78%	Isu yang dihadapi: Pandemik COVID-19 telah membawa kesan kepada semua aspek kehidupan, termasuk pendidikan. Isu kewangan, keperluan tenaga kerja, kos yuran, dan kekurangan kesedaran tentang faedah program farmasi pascasiswazah boleh menjadi faktor penyumbang.  Cadangan penyelesaian: Untuk menangani isu ini, adalah disyorkan agar pihak fakulti melaksanakan kempen pemasaran, bekerjasama dengan pemegang taruh, dan menawarkan seminar untuk meningkatkan kesedaran tentang nilai pendidikan farmasi pascasiswazah.
<b>PI044:</b> Number of student enrolment (national PhD students).	50 pelajar	82%	

## 2.2 TERAS PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

### Kriteria 3 (K3): Kecemerlangan Pendidikan Tinggi UiTM

Pencapaian PI 100%

SK 3-7 : Penerbitan Ilmiah

SK 4-4 : Penerbitan berindeks dan berimpak tinggi

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI050:</b> Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WoS/ERA.	108 penerbitan	100%
<b>PI051:</b> Number of high impact publications.	25 penerbitan	100%
<b>PI056:</b> Number of indexed publication: Journal in MyCite.	3 penerbitan	100%
<b>PI057:</b> Number of publication published by UiTM Press and other publishers.	1 penerbitan	100%

### Kriteria 5 (K5): Jaringan Alumni, Industri & Masyarakat Yang Kukuh

SK 5-4: Jalinan kerjasama dengan industri melalui MoU/MoA

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI053:</b> Number of indexed joint publication with National collaborators.	30 penerbitan	100%
<b>PI054:</b> Number of indexed joint publication with Industry Collaborators.	2 penerbitan	100%
<b>PI055:</b> Number of indexed joint publication with International Collaborators.	44 penerbitan	100%

## Pencapaian PI Di Bawah 100%

SK 3-7 : Penerbitan Ilmiah

SK 4-4 : Penerbitan berindeks dan berimpak tinggi

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI049:</b> Number of indexed publication: Conference proceedings in SCOPUS/WoS.	30 penerbitan	0%	<p>Isu yang dihadapi: Fakultas Farmasi telah menghantar sebanyak 11 prosiding kepada <i>Thai Journal of Pharmaceutical Sciences</i> (TJPS) dan telah diterima untuk proses penerbitan seterusnya. Walaubagaimanapun, pihak Editor jurnal tidak berjaya untuk menerbitkan prosiding tersebut. Sehubungan itu, fakulti memutuskan untuk menarik balik prosiding tersebut daripada TJPS dan menghantar kepada jurnal lain pada tahun 2023.</p> <p>Cadangan penyelesaian: Fakultas Farmasi telah menghantar sebanyak 29 "galley proof extended abstract" untuk diterbitkan sebagai prosiding di "<i>Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences</i>" pada tahun 2023.</p>

## Kriteria 4 (K4): Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi

Pencapaian PI 100%

SK 4-2: Dana penyelidikan yang diperolehi

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI065:</b> Total amount of research grants: Industrial funded.	RM150K	100%

## Pencapaian PI Di Bawah 100%

### SK 4-2: Dana penyelidikan yang diperolehi

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI064:</b> Total amount of research grants: National funded.	RM2.5M	84.5%	Isu yang dihadapi: Geran antarabangsa sukar diperolehi disebabkan persaingan yang tinggi.  Cadangan penyelesaian: EXpend ResearCh to the nExt Level (EXCEL) dirangka untuk menjalankan siri bengkel kajian semula cadangan penyelidikan dan mengemukakan geran antarabangsa / nasional / swasta berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri tempatan dan antarabangsa.
<b>PI066:</b> Total amount of research grants: International funded.	RM100K	68.7%	

## Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang

### Pencapaian PI 100%

#### SK 6-2 : Latihan berkemahiran dan pembangunan staf

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI061:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: National funded.	46 penyelidik	100%
<b>PI063:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: International funded.	2 penyelidik	100%

## Pencapaian PI Di Bawah 100%

### SK 4-2: Dana penyelidikan yang diperoleh

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI062:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: Industrial funded.	3 penyelidik	66.7%	<p>Isu yang dihadapi: Kebanyakan penyelidik kurang berpengalaman dalam mendapatkan geran industri. Pada Ketika ini, hanya terdapat beberapa penyelidik yang bekerjasama dengan industri. Kebanyakan penyelidikan tidak berkaitan industri dan mempunyai nilai komersial yang rendah.</p> <p>Cadangan penyelesaian: Mengadakan program seperti PharmaDay dan PHARM-IIDEx untuk menggalakkan penggunaan fasiliti/servis/kepakaran kepada pihak industri.</p>

## 2.3 TERAS AKADEMIKA, INDUSTRI & MASYARAKAT

### Kriteria 5 (K5): Jaringan Alumni, Industri & Masyarakat Yang Kukuh

Pencapaian PI 100%

#### SK 5-4 : Jalinan kerjasama dengan industri melalui MoU/MoA

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI020:</b> Number of official partnership activities.	120	100%
<b>PI072:</b> Number of new MoU and MoA with International Industries.	1	100%
<b>PI073:</b> Number of new MoA with local partners.	1	100%
<b>PI074:</b> Number of activities under MoA/ MoU with International Industries.	3 aktiviti	100%

#### SK 5-1 : Jalinan kerjasama dengan alumni

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI080:</b> Number of alumni expert service programme.	6 program	100%

#### SK 5-5: Program berteraskan UCE (University Community Engagement)

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI075:</b> Number of University Social Responsibility programmes (USR).	25 program	100%
<b>PI076:</b> Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP).	1 program	100%
<b>PI077:</b> Total amount received (from external) for USR and KTP programmes.	RM33K	100%
<b>PI078:</b> Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.	RM3.3K	100%
<b>PI079:</b> Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects.	2 komuniti	100%

## Kriteria 3 (K3): Kecemerlangan Pendidikan Tinggi UiTM

### Pencapaian PI 100%

#### SK 3-6: Penarafan UiTM oleh pihak luar

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI082:</b> Number of MoU/ MoA with Top 300 QS World University Ranking (international universities).	2	100%
<b>PI084:</b> Number of international programmes/ activities for active MoU/ MoA for the current year.	6 program/ aktiviti	100%

### Pencapaian PI Di Bawah 100%

#### SK 3-6: Penarafan UiTM oleh pihak luar

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI081:</b> Number of new MoU/ MoA with international universities.	10	50%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempoh yang lama untuk mendapat maklumbalas daripada sesetengah institusi luar adalah di luar kawalan. Oleh itu, selain gerak kerja dimulakan awal, pencarian institusi juga perlu berstrategi.</li> <li>• Semakin banyak institusi yang telah membuat perjanjian dengan UiTM. Oleh itu pencarian rakan kolaborasi baru hendaklah lebih bersasar kepada bidang tumpuan yang berkepentingan.</li> </ul>



## 2.4 TERAS KEPEMIMPINAN

### Kriteria 2 (K2): Graduan Dinamik, Berwibawa & Bertaqwa

Pencapaian PI 100%

#### SK 3-6: Penarafan UiTM oleh pihak luar

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI029:</b> Number of leadership programmes.	2 program	100%
<b>PI033:</b> Numbers of students involved in the e-sport industry.	30 pelajar	100%
<b>PI037:</b> Number of students involved in invention and innovation activities.	14 pelajar	100%
<b>PI038:</b> Number of programme/module related to patriotism & ESI-iDART initiatives.	3 program	100%

#### SK 2-1 : Siswazah mahir berkomunikasi

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI031:</b> Number of international communication skill related programmes.	1 program	100%

#### SK 5-5 : Program berteraskan UCE (University Community Engagement)

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI028:</b> Number of volunteerism programmes.	1 program	100%

### Kriteria 5 (K5): Jaringan Alumni, Industri & Masyarakat yang kukuh

Pencapaian PI 100%

#### SK 5-4 : Jalinan kerjasama dengan industri melalui MoU/MoA

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI032:</b> Number of students participated in international programme organised by partner university/ industry/ institution.	4	100%
<b>PI030:</b> Number of companies involved in career activities.	7	100%

## 2.5 TERAS KEUSAHAWANAN

### Kriteria 2 (K2): Graduan Dinamik, Berwibawa & Bertaqwa

Pencapaian PI 100%

SK 2-1 : Siswazah berciri keusahawanan		
	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI021:</b> Number of IPT student entrepreneurs conducting business on campus during their study period.	43 pelajar	100%
<b>PI022:</b> Number of companies, enterprises or business projects funded by start-up investors, venture investors, public funding entities, government agency grants and entrepreneurship-related pitching competition prizes.	1 syarikat	100%
<b>PI026:</b> The number of students involved in IPT's Innovation and Technology-based programmes.	20 pelajar	100%

Pencapaian PI Di Bawah 100%

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI025:</b> Number of digitally driven innovation and technology - based student start-up companies.	1 syarikat	0%	<p>Isu yang dihadapi: PI yang baharu diperkenalkan tahun 2022 ini sukar dilaksanakan kerana syarikat pemula yang berteraskan inovasi dan teknologi mempunyai kekangan untuk dilaksanakan dalam tempoh setahun. Ini kerana syarikat pemula ini terikat dengan syarat-syarat ketat oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan undang-undang Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) yang memerlukan syarikat menepati spesifikasi tertentu dan produk keluaran juga perlu menjalani ujian pra-klinikal dan klinikal sebelum dapat dipasarkan.</p> <p>Cadangan penyelesaian: Justeru PI ini telah dicadangkan agar digugurkan pada tahun berikutnya.</p>

### Kriteria 3 (K3): Kecemerlangan Pendidikan Tinggi di UiTM

Pencapaian PI Di Bawah 100%

#### SK 3-5 : Kebolehpasaran graduan

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>	<u>ISU DIHADAPI DAN CADANGAN PENYELESAIAN</u>
<b>PI019:</b> Number of alumni successfully became entrepreneurs.	20	50%	Isu yang dihadapi: Graduan Farmasi menjalani latihan wajib <i>pre-registered pharmacist</i> selama 1 tahun sebagai syarat wajib untuk pendaftaran profesional ahli farmasi berdaftar. Oleh itu, PI bilangan alumni usahawan berjaya dalam tempoh 1 tahun bergraduasi tidak sesuai untuk bidang Farmasi.

### Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi & Perkhidmatan Cemerlang

Pencapaian PI 100%

#### SK 3-5 : Latihan kemahiran dan pembangunan staf

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI024:</b> Number of educators with entrepreneurial expertise.	13	100%

## 2.6 SISTEM SOKONGAN: PENGURUSAN DAN PENGUKUHAN KEWANGAN PROFESIONAL

### Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang

Pencapaian PI 100%

#### SK6-1: Staf akademik berkelayakan PhD/setaraf atau berkelayakan professional

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI085:</b> Bilangan staf dengan 6 tahun pengalaman industri Number of staff with 6 years industry experience.	5	100%
<b>PI088:</b> Number of staff with professional qualifications.	40	100%
<b>PI090:</b> Number of staff as members in international and national academic/ professional bodies/ associations/ NGO.	44	100%

#### SK6-2: Latihan Kemahiran dan pembangunan staf

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI089:</b> Number of staff attached with top global 2000 companies or top 300 universities.	3	100%
<b>PI086:</b> Number of activity related to ESI-iDART.	2 program	100%
<b>PI094:</b> Number of OE Project.	1 projek	100%
<b>PI095:</b> Number of KIK Project.	1 projek	100%
<b>PI079:</b> Number of communities receiving/ benefiting from the knowledge/ technology diffusion projects.	2 projek	100%

### Kriteria 8 (K8): Kelestarian Kewangan

Pencapaian PI 100%

#### SK 5-5: Program berteraskan UCE (University Community Engagement)

	<u>SASARAN</u>	<u>PENCAPAIAN</u>
<b>PI117:</b> Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/ training programmes/ academic programmes/ competition.	RM30K	100%



# INISIATIF UTAMA FAKULTI FARMASI 2023

## BAHAGIAN **03**

**FACULTY OF  
PHARMACY**  
UNIVERSITI TEKNOLOGIMARA

# INISIATIF UTAMA

## FAKULTI FARMASI (PH), 2023

Untuk tahun 2023, sebanyak **68 PI** telah diperturunkan kepada Fakulti Farmasi. Kesemua PI ini dipetakan kepada 6 program dan 19 inisiatif strategik (Gambar rajah 3-1). Senarai penuh pemetaan PI kepada inisiatif strategik boleh diperolehi di bahagian LAMPIRAN.



Gambar rajah 3-1: Program dan Inisiatif Strategik Fakulti Farmasi (PH) 2023

### 3.1 PROGRAM AKADEMIK

---

Program Akademik secara amnya menumpukan kepada usaha untuk memantapkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) dalam bentuk kurikulum yang relevan, sistem penyampaian yang efisien dan berkesan serta pensyarah yang berilmu dan terlatih. Dasar teras P&P FPH menyokong Visi Universiti dan Negara dalam menghasilkan graduan berakhlak dan berilmu yang berdaya saing, global dan beretika berteraskan Falsafah UiTM agar graduan yang dihasilkan adalah graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara. Dasar P&P ini mencakupi sasaran strategik universiti bagi menyediakan pendidikan tinggi berkualiti serta menghasilkan graduan dinamik yang siap siaga untuk menceburi pasaran kerja dan menghadapi kepelbagaian serta cabaran abad ke-21. Di samping itu, dasar P&P ini mendokong Agenda RMKe-12 UiTM yang selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) 2015 – 2025.

Agenda utama P&P diselarikan menerusi pemetaan Objektif Strategik yang dikenalpasti dengan tujuh (7) aspek berkaitan daripada 11 Agenda Utama RMKe- 12 UiTM:

- Kecemerlangan Bakat
- Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan & Seimbang
- Kepemimpinan
- Penghayatan Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Ketertampakan UiTM di Peta Dunia
- Ekosistem Inovasi
- Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

Berdasarkan analisa SWOT P&P (Gambar rajah 3-2), empat (4) inisiatif strategik akademik telah dibentuk iaitu:

- i. Undergraduate Students Graduate on Time Intensive Monitoring Program (U-GOT-IT).
- ii. Postgraduate Students Enrollment Enhancement Project (PEEP).
- iii. Learning Beyond Boundaries (LeaBB).
- iv. Memorandum of Understanding, Faculty of Pharmacy, UiTM (MOUF).

Keempat-empat projek utama ini dipetakan kepada **17 PI** (Jadual 3-1).

<b>S</b>	<b>W</b>	<b>O</b>	<b>T</b>
<b>STRENGTH</b>	<b>WEAKNESS</b>	<b>OPPORTUNITIES</b>	<b>THREATS</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faculty members are experts in their respective fields and have extensive teaching experience. This ensures the quality of education provided to students.</li> <li>• The faculty has a strong reputation and brand in the academic community. This can attract the best talent and funding opportunities from various agencies.</li> <li>• The faculty's education programs have a comprehensive curriculum structure. These programs offer a variety of courses that can interest students from different backgrounds and interests.</li> <li>• In addition, the faculty has a good relationship with the industry, which facilitates student training, research opportunities and student job placement.</li> <li>• The faculty's commitment to student's success and satisfaction is one of the faculty's strengths.</li> <li>• The faculty emphasizes student support and involvement.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• The faculty may face challenges in marketing activities as well as in sending students for exchange programs at other universities, especially abroad, due to limited budgets.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Growing demand for pharmacy programs among students due to increased demand for graduates specializing in pharmacy and pharmaceutical sciences.</li> <li>• The development of new technologies and the expansion of new fields of pharmacy, creating more opportunities for students to gain experience and develop their skills.</li> <li>• Good networking activities with industry partners can provide students the opportunity to undergo internships at prestigious companies which can help them gain work experience.</li> <li>• In addition, good relationships with industry partners provides students with funding or scholarship opportunities for pharmacy programs.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Faculty of pharmacy may face potential threats, such as increased competition from other pharmacy programs, which can make it more difficult to attract and retain students.</li> <li>• Budget constraints from the government can also impact funding opportunities or job prospects for graduates.</li> </ul>

**Gambar rajah 3-2:** Analisa SWOT Program Akademik



**Jadual 3-1:** Pemetaan PI kepada Projek-Projek Utama Program Akademik

PETUNJUK PRESTASI (PI)	PROJEK		
	U-GOT-IT & PEEP	LeaBB	MOUF
<b>PI005:</b> Number of academic programmes embedded with new international credited service-learning activities.		●	
<b>PI006:</b> Percentage of GOT students (Undergraduate).	●		
<b>PI007:</b> Number of inbound students (minimum 1 day).		●	
<b>PI008:</b> Number of outbound students (minimum 1 day).		●	
<b>PI009:</b> Number of inbound students (2 weeks).		●	
<b>PI010:</b> Number of outbound students (2 weeks).		●	
<b>PI011:</b> Number of inbound students (1 semester).		●	
<b>PI012:</b> Number of outbound students (1 semester).		●	
<b>PI013:</b> Number of new Massive Open Online Course.		●	
<b>PI014:</b> Number of new micro-credential modules offered.		●	
<b>PI043:</b> No. of student enrolment (national master students).	●		
<b>PI044:</b> No. of student enrolment (national PhD students).	●		
<b>PI045:</b> No. of student enrolment (international PG students).	●		
<b>PI081:</b> Number of new MoU/ MoA with international universities.			●
<b>PI082:</b> Number of MoU/ MoA with Top 300 QS World University Ranking (international universities).			●
<b>PI083:</b> Number of MoU/ MoA with Top 300 QS Ranked by Subject (International Universities).			●
<b>PI084:</b> Number of international programmes/ activities for active MoU/ MoA for the current year			●

### Jadual 3-2: Hasil Utama Projek dibawah Program Akademik

Projek	Undergraduate Students Graduate on Time InTensive Monitoring Program (U-GOT-IT) and Postgraduate Students Enrolment Enhancement Project (PEEP).
<b>Hasil Utama:</b>	Program ini bertujuan untuk meningkatkan pelajar bergraduasi dalam tempoh dikalangan pelajar prasiswazah dan meningkatkan enrolmen pelajar pascasiswazah.
<b>Penerangan:</b>	<p><b>U-GOT-IT</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kempen kesedaran tentang kepentingan bergraduasi dalam tempoh dikalangan pelajar.</li><li>• Kempen pengurusan tekanan.</li><li>• Pemantauan gred pelajar (pada awal dan akhir semester).</li><li>• Pemantauan berterusan oleh penasihat akademik.</li><li>• Program motivasi dengan menyediakan sokongan (cth., kaunseling, ceramah motivasi, dll.) kepada pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang lemah.</li><li>• Program MUTIARA untuk memberi sokongan kepada pelajar yang mempunyai CGPA kurang daripada 2.5.</li></ul> <p><b>PEEP</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menghasilkan video promosi oleh pelajar dari program berikut:<ul style="list-style-type: none"><li>◦ Sarjana melalui penyelidikan.</li><li>◦ Sarjana secara kerja kursus (Amalan Farmasi dan Farmasi Klinikal).</li><li>◦ PhD.</li></ul></li><li>• Video promosi oleh pelajar antarabangsa.</li><li>• Lawatan Maya oleh pihak IPSis, UiTM.</li><li>• Promosi projek penyelidikan sedia ada.</li><li>• Sesi perkongsian oleh penyelaras PRP</li></ul>
Projek	Learning Beyond Boundaries (LeaBB)
<b>Hasil Utama:</b>	Program ini bertujuan untuk menghasilkan MOOC/MC yang berkualiti untuk meningkatkan pembelajaran pelajar dan menggalakkan pembelajaran tanpa sempadan.
<b>Penerangan:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menghasilkan satu MOOC dan kursus mikro-kredensial yang berkualiti.</li><li>• Menganjurkan seminar kajian tinjauan / keratan rentas untuk pelajar luar negara.</li><li>• Membantu pelajar mendapatkan latihan sangkutan farmasi industri di luar negara.</li></ul>
Projek	Memorandum Of Understanding, Faculty of Pharmacy, UiTM (MOUF)
<b>Hasil Utama:</b>	Program ini bertujuan untuk mengaktifkan aktiviti di Fakulti Farmasi, UiTM bersama rakan MoU.
<b>Penerangan:</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengadakan MoU/MoA baharu dengan universiti antarabangsa.</li><li>• Mengadakan MoU/ MoA dengan universiti antarabangsa yang berada di ranking 300 teratas mengikut subjek.</li><li>• Menggalakkan dan memantau aktiviti yang diadakan bersama institusi yang mempunyai MoU/MoA dengan fakulti.</li></ul>

## 3.2 PROGRAM PENYELIDIKAN, INOVASI & PENGKOMERSIALAN

---

Fakulti Farmasi mendokong aspirasi universiti dalam mencapai kecermerlangan global dengan memperkasa translasi dalam penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersialan yang akan memberi impak kepada kesejahteraan sosioekonomi dan pengiktirafan global yang menjurus kepada 6 STAR MyRA menjelang 2025.

Sebagai memperkasakan agenda ini, beberapa inisiatif utama dibawah tema strategik ke-4 iaitu “Translational Research Development, Innovation and Commercialisation” telah digariskan seperti berikut:

- Inisiatif mempertingkatkan penglibatan dalam penerbitan akademik dalam bidang seperti kesihatan dan kesejahteraan, kreativiti dan inovasi sosial.
- Mewujudkan ekosistem penyelidikan yang kondusif dan mampan dengan tadbir urus dan pembiayaan yang kukuh untuk menyokong semua aspek penyelidikan berkualiti.
- Menubuhkan makmal penyelidikan bersama dengan makmal dan industri penyelidikan antarabangsa terkemuka.
- Berusaha untuk menjalinankan rangkaian dan kerjasama bersama penyelidikan antarabangsa.

Berdasarkan analisa SWOT program penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan (Gambar rajah 3-3), terdapat dua (2) inisiatif strategik yang diberi tumpuan pada 2023 bertujuan untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FPH iaitu:

### 1. **Prolific: PROMoting impactful pubLlications From academICs.**

Untuk meningkatkan bilangan ahli fakulti yang menerbitkan artikel di dalam jurnal yang berkualiti tinggi dan memberi impak kepada masyarakat. Projek ini merupakan projek yang dirangka untuk membudayakan penulisan bahan ilmiah/artikel penyelidikan & menambah baik penulisan akademik serta meningkatkan kedudukan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi.

### 2. **Excel: Expand ResearCh to the nExt Level.**

Untuk meningkatkan bilangan perolehan geran dan pembiayaan oleh ahli fakulti bukan sahaja daripada badan pembiayaan tempatan tetapi juga penaja antarabangsa dan industri. Projek ini dirangka untuk menjalankan siri bengkel kajian semula cadangan penyelidikan dan mengemukakan geran antarabangsa/nasional/swasta berkualiti tinggi dengan kerjasama universiti dan rakan industri tempatan dan antarabangsa.

S	W	O	T
STRENGTH	WEAKNESS	OPPORTUNITIES	THREATS
<ul style="list-style-type: none"> <li>Sufficient space/facilities and trained personnel to do research.</li> <li>Accredited laboratories</li> <li>Prominent researchers as mentors</li> <li>A research-based faculty that provides encouraging research environment.</li> <li>Focus on niche areas with the establishment of RIG, RG and CoEs.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Obsolete equipment and lack of funding for maintenance of equipment</li> <li>Reliance on certain group of academicians for publication and grant acquisition.</li> <li>Lack of experience in securing competitive international grants</li> <li>Commercialisation seems not a priority due to a lack of time</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Impactful research that can produce publications in reputable journals.</li> <li>Collaboration with the top 300 universities to help increase visibility at the national and international levels that in turn, can increase citation and H-index.</li> <li>Recognised globally (top 300) in Pharmacy and Pharmacology subject.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Decline in postgraduates to support research activities.</li> <li>Lack of self-funded postgraduate students</li> <li>Researchers demotivated by publication rejection rate and failure to obtain grants despite numerous attempts.</li> <li>Projects that have low commercial value and not industry-related research</li> </ul>

**Gambar rajah 3-3:** Analisa SWOT Program Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan

**Jadual 3-3:** Pemetaan PI kepada Projek Utama Program Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

PETUNJUK PRESTASI (PI)	PROJEK	
	ProliFic	ExceL
<b>PI049:</b> Number of indexed publication: Conference proceedings in SCOPUS/WoS.	●	
<b>PI050:</b> Number of indexed publication: Journal in SCOPUS/WoS/ERA.	●	
<b>PI051:</b> Number of high impact publications.	●	
<b>PI052:</b> Number of publications in QS subject ranking journal	●	
<b>PI053:</b> Number of indexed joint publication with National collaborators.	●	
<b>PI054:</b> Number of indexed joint publication with Industry Collaborators.	●	
<b>PI055:</b> Number of indexed joint publication with International Collaborators.	●	
<b>PI056:</b> Number of indexed publications: Journal in MyCite.	●	
<b>PI057:</b> Number of publications published by UiTM Press and other publishers.	●	
<b>PI061:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: National funded.		●
<b>PI062:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: Industrial funded.		●
<b>PI063:</b> Number of principal investigators (PI) for research grants: International funded.		●
<b>PI064:</b> Total amount of research grants: National funded.		●
<b>PI065:</b> Total amount of research grants: Industrial funded.		●
<b>PI066:</b> Total amount of research grants: International funded.		●

**Jadual 3-4:** Hasil Utama Projek dibawah Program Penyelidikan, Inovasi & Pengkomersialan

Projek	PROmoting impactful puBLications From academICs (PROLIFIC) through Write2Impact; Write2Flourish and Write2gether workshops.
<b>Hasil Utama:</b>	Membudayakan penulisan bahan ilmiah/artikel penyelidikan & menambah baik penulisan akademik serta meningkatkan kedudukan QS universiti bagi subjek Farmasi & Farmakologi.
